

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH / HARI : 14 APRIL 2017 (JUMAT)

Imej baharu lori kompaktor dilancar

MBSA mahu menjenamakan semula, tambah baik perkhidmatan kutipan sisa domestik

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melancarkan imej baharu lori kompaktor kutipan sisa domestik 2017 bertempat di Dataran Kemerdekaan, Seksyen 14, di sini, semalam.

MBSA dalam satu kenyataan berkata, pelancaran tersebut merupakan penjenamaan semula imej perkhidmatan kutipan sampah MBSA, sekali gus inisiatif untuk menambah baik perkhidmatan kutipan sampah sisa domestik di kawasan pentadbiran MBSA bagi tahun ini.

"Penjenamaan semula imej perkhidmatan kutipan sampah MBSA ini melibatkan lori kompaktor yang dilengkapi dengan sistem sistem Pemantauan Lokasi

Kenderaan (AVLS), lori kompaktor dicat dengan warna koporat MBSA iaitu biru putih dan memasang pelekat yang membawa imej majlis.

"Selain itu, turut diletakkan maklumat syarikat yang menjalankan kerja kutipan dan zon kerja bagi memudahkan masyarakat mengenal pasti kontraktor yang berkhidmat di kawasan mereka serta memberikan pakaian seragam bercirikan keselamatan kepada pekerja/krew seperti mempunyai pantulan cahaya, kasut, but keselamatan dan sebagainya," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, MBSA juga mengenakan syarat-syarat lebih ketat terhadap kontraktor-kontraktor yang dilantik bagi memastikan perkhidmatan diberi-

kan adalah berkualiti serta mengikut piawaian yang ditetapkan.

"Inisiatif ini merupakan komitmen berterusan MBSA dalam memberikan perkhidmatan kutipan sampah sisa domestik yang lebih baik

dan berkualiti kepada warga Shah Alam.

"Semua jenis premis di bawah kawasan pentadbiran MBSA turut diberikan perkhidmatan kutipan sampah kecuali kompleks membeli belah," katanya.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad dan dihadiri ahli-ahli Majlis serta pengarah-pengarah Jabatan MBSA.

Sementara itu, bagi me-

INFO

● Program pelancaran melibatkan 27 buah kompaktor bagi mewakili 27 zon kutipan sisa domestik

lancarkan dan memperkemaskan sistem pengurusan dan kutipan sampah domestik, MBSA juga akan memberikan tong MGB berkapasiti 120L kepada semua premis kediaman jenis teres bagi menyeragamkan tong sampah di seluruh Shah Alam.

Katanya, ia dilihat dapat memperkemaskan cara pembuangan sampah oleh masyarakat setempat dan memudahkan kerja kutipan sampah oleh pihak kontraktor.



Ahmad Zaharin (tengah) memotong riben sebagai simbolik melancarkan lori kompaktor yang diberi imej baharu dalam kutipan sisa domestik di kawasan pentadbiran MBSA.